

Perpustakaan Nadi Kecemerlangan, Merialisasikan Kemungkinan, Pencetus Kegemilangan.



Oleh: Syaiffuddin bin Aminuddin
Pelajar Latihan Industri Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kampus Shah Alam, Selangor.

"Ke arah gedung ilmu tersohor di dunia melalui pembangunan sumber maklumat yang dinamik dan inovatif". Ungkapan yang gah dan unggul, cukup untuk menunjukkan betapa Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited dalam menyediakan bahan-bahan rujukan yang relevan dan berkualiti untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran warga UMS sekaligus berperanan sebagai nadi kepada kecemerlangan pendidikan di universiti ini umumnya.

Disokong oleh empat bahagian utama, bekerjasama dengan erat dengan tekad untuk menyediakan sumber maklumat dan perkhidmatan bertaraf dunia. Beroperasi di UMS Kota Kinabalu sebagai perpustakaan induk dengan sepuluh cawangan kecil yang lain bertujuan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, dan inovasi untuk universiti ini. Ternyata usaha dan kesungguhan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah merupakan satu perjuangan yang murni serta mencabar dalam menyokong dan membantu negara untuk melahirkan masyarakat yang maju, cemerlang, dan progresif dengan memperkasa kecintaan terhadap ilmu pengetahuan melalui penerapan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Subjek koleksinya merangkumi keperluan tiga belas buah sekolah yang terdapat di UMS Kota Kinabalu termasuklah Kampus Antarabangsa Labuan dan Sekolah Pertanian Lestari Sandakan. Kebanyakan buku atau bahan yang dibeli biasanya dicadangkan oleh para pensyarah untuk memastikan buku-buku tersebut memenuhi

kehendak rujukan yang sepatutnya digunakan oleh pelajar mengikut bidang pembelajaran masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa proses mendapatkan buku-buku atau lain-lain bahan telah melalui beberapa proses pemilihan yang rapi dan terperinci bagi memastikan para pelajar dapat menggunakan sumber rujukan yang relevan dan berkualiti. Namun begitu terdapat juga buku-buku atau bahan bukan akademik yang bertujuan sebagai halwa minda para pengguna perpustakaan seperti novel dan majalah. Manakala, terbitan bersiri seperti akhbar tempatan dan jurnal tidak asing lagi kewujudannya di mana-mana juga perpustakaan akademik seperti perpustakaan UMS. Alternatif dan capaian maklumat diperluas lagi dengan beberapa ruangan yang boleh diakses dalam portal rasmi perpustakaan UMS seperti pautan sumber, terbitan dan informasi.

Terdapat pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan antaranya bilik perbincangan, bilik 24 jam, kubikal, auditorium, komputer, perkhidmatan peminjaman bahan antara perpustakaan cawangan dan perpustakaan IPTA yang lain, kelas literasi maklumat dan sebagainya. Hal ini membantu dan memastikan pengguna menikmati suasana pembelajaran yang kondusif, meluaskan rangkaian pemerolehan rujukan, dan meningkatkan kemahiran mencari maklumat dalam kalangan pengguna. Selain itu, sebarang cadangan dan aduan daripada pengguna adalah dialu-alukan untuk tujuan penambahbaikan pada masa hadapan melalui kaji selidik yang dikendalikan oleh Perpustakaan UMS pada masa-masa tertentu umumnya. Hal ini membuktikan bahawa Perpustakaan UMS juga mampu merialisasikan kemungkinan.

Kolaborasi antarabangsa juga wujud seperti K@Borneo yang bertujuan untuk berkongsi dan menjaga bahan-bahan berkaitan Borneo. Selain itu terdapat juga MyUniNet sebagai medium perkongsian pelbagai maklumat. Manakala bahagian pengurusan maklumat pula jitu dalam memainkan peranan sebagai entiti utama untuk menyediakan bantuan teknikal kepada

pengguna disamping mengurus pelbagai aplikasi serta perkidmatan maya. Kerjasama dalam perkongsian maklumat yang disertai oleh Perpustakaan UMS sememangnya satu contoh yang progresif kepada generasi kini sekaligus berperanan sebagai pencetus kegemilangan masa hadapan. Ditambah dengan pelbagai perkhidmatan dan bantuan sokongan berkaitan ICT, Perpustakaan UMS komited dalam membantu meningkatkan capaian maklumat para pengguna.

Tidak hanya di situ, perpustakaan UMS juga bakal dan sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sebagai contoh, Pelan Strategik UMS 2013-2017 jelas memperlihatkan betapa Perpustakaan UMS juga terlibat dalam merialisasikan perancangan ini terutamanya dalam UMS-KRA 1 hingga UMS-KRA 4. Namun kerjasama yang erat, proaktif, dan berdedikasi dalam kalangan kakitangan Perpustakaan UMS mampu menjadikan mereka berjalan seiring dengan hasrat UMS itu sendiri. Kaedah pengurusan ruangan tempat kerja seperti 5S yang diamalkan oleh Perpustakaan UMS sedikit sebanyak juga menjadi penanda ukur bahawa mereka juga sentiasa bersedia dalam bersama-sama menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Tuntasnya, Perpustakaan UMS memainkan peranan yang sangat penting dalam mendokong hasrat Universiti Malaysia Sabah dan negara Malaysia untuk mencapai matlamat yang diidamkan. Rasa menghargai akan kewujudan perpustakaan adalah penting bagi memupuk nilai menjaga dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik. Justeru semua pihak harus sama-sama memanfaatkan Perpustakaan UMS sebaik mungkin disamping berusaha untuk menjadi masyarakat yang berdisiplin dalam apa jua keadaan. Sesungguhnya Perpustakaan UMS memiliki potensi yang besar dalam memacu dan menjana masyarakat yang berilmu kerana perpustakaan adalah nadi kepada kecemerlangan, organisasi yang merialisasikan kemungkinan, serta memainkan peranan sebagai pencetus kegemilangan.